



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH


A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **53 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **59,202 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini iaitu satu (1) kes di daerah Kota Kinabalu dan satu (1) kes lagi di daerah Keningau. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 99 menjadikan jumlah kumulatif 58,067 orang. Seramai 527 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 234 orang di hospital dan 293 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 37 orang dan 20 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan bertukar dari zon kuning ke zon hijau.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah sembilan (9) daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Hijau lapan (8) daerah

5

Kerajaan Negeri memaklumkan bahawa TIADA PKPD dikenakan bagi Kluster Kebagu kerana jangkitan COVID-19 tidak melibatkan penduduk Kampung Kebagu. Ia hanya berlaku dalam kalangan guru-guru SK. Kebagu yang tinggal di luar kawasan kampung berkenaan.

6

Tiada kluster baharu direkodkan hari ini.

- 7 Daripada 53 kes positif COVID-19, sebanyak 25 kes (47.2%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, lima (5) kes (9.4%) saringan bergejala, 17 kes (32.1%) dari kluster sedia ada serta enam (6) kes (11.3%) dari lain-lain kategori.
- 8 Jumlah kapasiti katil 3,999 unit
- Hospital 569 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.
- Peratus penggunaan katil 13.18%.

B STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini bagi Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **tiada** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,285** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin, **tiada** orang yang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,565** orang.
- 3 Bagi Fasa 2 Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **tiada** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **31,795** orang.
- 4 Bagi Dos 2 vaksin Fasa 2, **tiada** orang yang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **4,421** orang.
- 5 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **852** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **488,529** (mysejahtera 428,455 : laman web 59,829 : talian vaksinasi 245) bersamaan 16.7%.

C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **321,385** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 53 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 17,910 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 218 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 44 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak tujuh (7) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Tiga (3) orang : Gagal mematuhi arahan Pegawai diberi kuasa dalam mengawal jangkitan
 - Empat (4) orang : Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 56 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 31 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 178 lokasi melibatkan seramai 174 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 54 anggota di 41 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah daerah iaitu di daerah Beluran.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Belud	98%
2	Beaufort	98%
3	Sipitang	98%
4	Penampang	98%
5	Kota Marudu	98%
6	Lahad Datu	98%
7	Tuaran	98%
8	Kunak	98%
9	Ranau	98%
10	Keningau	98%
11	Tenom	98%
12	Kudat	97.5%
13	Tawau	97.5%
14	Kinabatangan	97%
15	Beluran	97%
16	Semporna	97%
17	Papar	97%
18	Sandakan	97%
19	Kota Kinabalu	97%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

14 MEI 2021